

22/08/1999

Russia pelawa hasilkan pesawat

Hafifi Hafidz in Ulan Ude (Republik Buryatia)

ULAN UDE: (Republik Buryatia): Russia mempelawa Malaysia untuk bekerjasama dan melabur menghasilkan sejenis pesawat pelbagai guna, dipercayai yang pertama di dunia mampu mendarat dan berlepas secara menegak.

Pelawaan itu dibuat oleh Pusat Penerbangan Ulan Ude (UUAP) kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat kilang pengeluarannya di sini, semalam.

Perdana Menteri yang tiba di sini kelmarin untuk melakukan lawatan kerja tiga hari di Republik Buryatia berada tiga jam di UUAP menyaksikan operasi pembuatan helikopter dan jet latihan pejuang di kilang yang ditubuhkan sejak 60 tahun lalu.

Pada majlis taklimat kepada Dr Mahathir, pegawai pengurusan tertinggi UUAP menjelaskan, pesawat C-16 itu ketika ini belum dikeluarkan secara komersil tetapi hanya untuk kegunaan tentera Russia bagi mengawal kedudukan strategik di beberapa wilayah dan juga di terusan serta sungai di Siberia.

"Russia dan Malaysia boleh berpadu tenaga. Dengan keupayaan intelektual yang ada pada UUAP dan pelbagai kelebihan di pihak Malaysia, kerjasama menghasilkan C-16 ini boleh dilakukan. UUAP memerlukan pelaburan untuk projek ini.

"Kami sudah bersiap sedia untuk projek ini dan mempelawa Malaysia melabur. UUAP berharap Malaysia menimbangkannya," kata beliau.

UUAP menghasilkan pesawat C-16 apabila sekumpulan kakitangannya melawat Filipina yang memerlukan pesawat seperti itu untuk menghubungi ratusan pulau di negara itu.

Pesawat itu juga mampu terbang pada ketinggian sederhana terutama di kawasan hutan.

Taklimat selama lebih setengah jam itu turut dihadiri oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Duta Malaysia ke Moscow, Datuk Yahya Baba.

Dr Mahathir dan rombongan juga menyaksikan petunjukan akrobatik jet latihan pejuang Sukhoi SU-25UB dan helikopter Mi-171. Beliau juga dibawa masuk ke dalam pesawat dan helikopter itu.

Malaysia sebelum ini membeli dua helikopter Mi-17, model sama dengan Mi-171 tetapi buatan Kazan, sebuah Negara Komanwel Merdeka (CIS). Ia digunakan oleh Jabatan Bomba.

Pada taklimat itu, Dr Mahathir diperjelaskan dengan pelbagai maklumat mengenai pesawat C-16 itu.

(END)